

# DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA    BIODATA    ANUGERAH    PUISI    ANEKDOT    BUKU    GAGASAN DAN TEORI    MEMOIR    HUBUNGKAMI

January 11, 2018

## TAKMILAH : MASALAH KEPENDUDUKAN

BBB: 22 Rabi'ul-Aakhir 1439H. = 10 Januari 2018M. (Rabu):

Matlamat membangunkan BBB sejak 1975 dan penghuni terawal mulai pindah pada 30 November 1977 selepas UKM berpindah secara berperingkat pada bulan Oktober 1977 pada dasarnya berjaya menurut perancangan yang diatur. Lebuhraya Kuala Lumpur-Bangi (Bakal menjadi lebuhraya Utara-Selatan) siap setakat ke Bangi sahaja - siap menjelang sedikit awal dari perpindahan, maka trailer-trailer yang mengangkut barang dari UKM di Jalan Pantai ke Bangi dapat menggunakan lebuhraya berkenaan yang hanya sampai ke Bangi sahaja (belum ada tol). Adapaun penduduk yang berpindah peringkat awal ke Bandar Baru Bangi yang hanya lima-enam keluarga mengurus sendiri dari segi perpindahan.

Pada dasarnya sebagaimana dikatakan, sambutan terutama dari kalangan warga pekerja di kampus UKM terhadap perumahan di BBB agak dingin dan tidak semua dari jumlah seratus rumah peringkat awal itu terjual. Ini ialah kerana beberapa sebab, antaranya:

Tiada kemudahan infra-struktur yang baik. BBB masih terasing tiada jalan yang sempurna. Untuk ke BBB terpaksa melalui jalan kampung teras Jernang dan untuk ke UKM dari BBB melalui jambatan kayu di kampung berkenaan. Jalan terus ke UKM belum dibina yang memerlukan penyiapan jambatan merentasi sungai di hadapan Kampus UKM. Untuk ke Kajang juga terpaksa melalui jambatan kayu di Teras Jernang atau melalui jalan ladang bertanah merah dan melalui jambatan uzur ke kawasan perumahan pekerja ladang West Country.

Ramai dari pekerja UKM pada peringkat awal masih berulang dengan kenderaan dari Petaling Jaya atau Kuala Lumpur. Bagi pekerja yang bertaraf tinggi menganggap tinggal di BBB pada peringkat awal sebagai tinggal di tempat 'Jin bertendang', kerana kawasannya yang terasing dari tidak mempunyai kemudahan. Tinggal di BBB dianggap tidak standard. Bagi yang berpendapatan tinggi, jika mau membeli rumah, maka mereka lebih suka memilih perumahan swasta seperti di Bukit Kajang dan di Bukit Mewah Kajang. Kerana apabila ura-ura UKM berpindah ke Bangi antara pihak pemaju hartanah, turut sama mem,bina perumahan secara swasta bagi dijualkan terutama bagi pekerja-pekerja UKM.

Tinggal di Bandar Baru Bangi, tidak ada kemudahan untuk mendapatkan keperluan barang-barang harian. Belum ada kedai yang dibuka (beberapa kedai teres setingkat dibina), tiada pasar untuk mendapatkan barang dapur. Untuk mendapat a-barang keperluan, terpaksa ke Kajang. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak pula sukar untuk mendapat kemudahan pelajaran. Tiada sekolah dibina pada peringkat permulaan. Anak-anak terpaksa diantar belajar di sekolah-sekolah di Kajang seperti sekolah Rendah Kebangsaan, Jalan Semenyih, Kajang atau disekolah Convent, Kajang. Ibu bapa terpaksa berulang-alik menghantar mereka ke Kajang. Antara mereka membuat giliran menghantar anak-anak dan menjemput mereka. Sekolah rendah BBB baru dibangunkan pada pertengahan 1980an.

Di samping tiada kemudahan sekolah, tiada kemudahan tempat ibadat. Pihak PKNS tidak memasukkan di dalam perancangan pembinaan rumah ibadat. Pendek kata tiada sebuah surau di BBB. Untuk mengadakan ibadat secara berjamaah, pada peringkat permulaan kalangan penduduk mengadakan usrah (konsep usrah mula dikenali pada masa itu, antaranya dianjurkan konsep usrah oleh Angkatan Belia Islam - ABIM). Usrah dan berjamaah diadakan secara bergilir-gilir dari rumah ke rumah. Untuk mendirikan solat Juma'at terpaksa ke Kajang - di Masjid Kajang atau ke masjid-masjid kampung berdekatan. Oleh kerana difikirkan perlu berjumaat di Kampus, UKM yang juga tidak disediakan masjid pada peringkat awal, maka beberapa tempat dijadikan tempat mendirikan solat Jumaat seperti pada peringkat awal di ruang legar hadapan bangunan pentadbiran UKM, kemudian berpindah ke ruang legar Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan (FSKK) dan kemudian di aras bawah bangunan perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM. Tempat ini agak lama didirikan solat berjumaat dan penduduk BBB sama menumpang bersolat Juma'at di tempat-tempat yang disebutkan tadi, sebelum masjid UKM didirikan (Masjid UKM dibina pada 16 Mac 1979 dan siap digunakan pada 16 April 1982).

Adapun bagi penduduk BBB baru sungguhpun ada tapak bagi surau atau masjid di tapak Masjid al-Umm sekarang, tidak ada sebarang perancangan pada masa itu untuk didirikan surau atau masjid di tapak berkenaan.

Banyak lagi kemudahan-kemudahan yang belum ada di BBB seperti tiada kemudahan riadhah dan rekreasi, tiada kemudahan bas (ada syariakat Bus Sum berwarna merah berulang alik antara Kajang dan

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 1 2 7  
8

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~

Pekan Bangi, tapi tidak masuk ke BBB pada peringkat permulaan, kerana tidak ekonomik dan tiada jalan pintas melalui jambatan hadapan UKM - belum dibina) dan berbagai lagi tiada kemudahan di BBB menyebabkan pada peringkat permulaan BBB tidak menjadi pilihan sebagai tempat kediaman. Dari segi Takmilah semua masalah dan halangan dapat disifatkan sebagai anti Takmilah dan dari segi prinsip Takmilah, masalah-masalah berkenaan adalah cabaran bagi berbagai-bagai pihak berusaha bagi mengatasinya. Keadaan ini berlaku di BBB dan mengambil masa. Mendepani cabaran dan perlu ikhtiar mengatasinya bagi mencapai kepada yang lebih sempurna adalah merupakan antara konsep dan prinsip Takmilah.

Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [8:46 AM](#)

## No comments:

### Post a Comment

Comment as:

Syahrul Sazli S ▾


Notify me

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)


Subscribe to: Post Comments (Atom)



~TEORI TAKMILAH~



~PUNCAK RINDU~  
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie  
Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~  
Himpunan penyertaan Pertandingan  
Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar  
Ilmu 2012